

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/05

Oktober 2004

PPS 112 – Kurikulum dan Pengajaran Prasekolah

Masa: 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN:

Jawab **TIGA (3)** soalan semuanya. Pilih **SATU (1)** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **DUA (2)** soalan dari **BAHAGIAN B**.

BAHAGIAN A

Jawab **SATU (1)** soalan sahaja.

1. Kurikulum Kebangsaan Prasekolah (Kementerian Pendidikan, 2003) mempunyai enam bidang/komponen yang perlu diberi perhatian oleh pendidik prasekolah.

Huraikan ciri-ciri bagi setiap enam bidang/komponen Kurikulum Kebangsaan Prasekolah (2003).

(30 markah)

2. Bagaimanakah konsep-konsep berikut dapat dikaitkan dengan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak prasekolah?

- a) Perkembangan menyeluruh
- b) Penerapan nilai murni
- c) Kecerdasan pelbagai
- d) Naluri ingin tahu
- e) Kreativiti

(30 markah)

BAHAGIAN B

Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

3. Perkembangan kanak-kanak mengikut tahap yang berbeza-beza merupakan salah satu prinsip perkembangan kanak-kanak.
- a) Huraikan prinsip ini daripada aspek intrapersonal dan interpersonal?
(10 markah)
 - b) Jelaskan dengan terperinci implikasi prinsip di atas terhadap pembelajaran kanak-kanak prasekolah.
(25 markah)
4. Rumuskan sumbangan teori-teori berikut dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak prasekolah.
- a) Teori behavioris
 - b) Teori maturasionis
 - c) Teori konstruktivis
- (35 markah)
5. 'Belajar melalui bermain' merupakan satu strategi pengajaran-pembelajaran yang memberi perhatian kepada aspek perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh.
- a) Jelaskan perkara-perkara berikut:
 - i) asas-asas penting dalam aktiviti bermain
 - ii) jenis-jenis permainan
 - iii) peranan guru semasa kanak-kanak bermain
- (15 markah)

- b) Sediakan **SATU (1)** rancangan pengajaran harian bagi bahasa Melayu **ATAU** Matematik yang melibatkan kanak-kanak bermain. Dalam rancangan pengajaran tersebut, sertakan maklumat-maklumat berikut:
- i) komponen
 - ii) tajuk
 - iii) hasil pembelajaran
 - iv) bahan
 - v) pengenalan
 - vi) langkah/aktiviti dan
 - vii) penutup/penilaian
- (20 markah)

6. Pengukuhan positif dan negatif, dan berkelakuan tidak sopan adalah perkara-perkara yang berkait dengan pengurusan kelas.
- a) Bincangkan perbezaan antara pengukuhan positif dengan pengukuhan negatif. Sertakan contoh-contoh yang sesuai dalam perbincangan anda.
- (15 markah)
- b) Bagaimanakah guru prasekolah bertindak terhadap kanak-kanak yang berkelakuan tidak sopan?
- (20 markah)